

Tindakan Moggie kaedah terbaik kekal perpaduan

KUALA LUMPUR 26 Jun — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan Datuk Amar Leo Moggie melepaskan jawatan sebagai Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) adalah pendekatan terbaik untuk mengekalkan perpaduan dalam parti itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Moggie telah memaklumkan keputusan itu kepadanya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam.

"Beliau (Moggie) telah menyatakan itulah pendekatan terbaik sekali supaya apa-apa masalah yang dihadapi dalam parti itu akan dapat diatasi oleh penggantinya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perkhidmatan Awam Kelapan bertemakan 'Mengurus Ekonomi Negara Dalam Waktu Men&bar: Meningkatkan Sistem dan Mekanisme Penyampaian' di sini hari ini.

Abdullah diminta mengulas laporan Bernama tentang tindakan Moggie mengemukakan surat peletakan jawatan. Presiden PBDS kepada Setiausaha Agung parti, Stanley Ajang Batok di Kuching, semalam.

Mengikut perlembagaan PBDS, dengan peletakan jawatan itu, Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Daniel Tajem secara automatik mengambil alih jawatan Presiden.

Abdullah enggan mengulas lanjut peletakan jawatan itu dan menganggap Moggie lebih tahu apa yang berlaku dalam partinya apabila mengambil tindakan tersebut.

Mengenai kedudukan Moggie sebagai Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Abdullah berkata, pada masa ini, beliau masih memegang jawatan berkenaan.